

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PENYAMPAIAN DIPLOMA MAKTAB TURUS TENTERA DI KEMENTERIAN PERTAHANAN, KUALA LUMPUR PADA 11HB DISEMBER, 1975

Saya berasa bangga dan bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dapat hadir di upacara penyampaian Diploma kepada Pegawai-pegawai Kanan yang baru saja menamatkan kursus di Maktab Turus Tentera ini.

Saya percaya para peserta telah mengikuti kursus yang berjalan selama setahun ini dengan penuh minat dan diploma yang mereka terima hari ini adalah hasil dari usaha dan penat lelah yang mereka curahkan itu.

Saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai yang berjaya menerima diploma ini dan berharap usaha mereka tidak terhenti setakat ini sahaja tetapi terus menambahkan pengetahuan dan pengalaman mereka apabila mendapat peluang kelak.

Saudara-saudara sekalian,

Saya berasa bangga kerana sejak ditubuhkan dalam tahun 1972, Maktab ini telah mencapai kematangan bukan sahaja dalam bidang pentadbiran bahkan dalam kualiti (quality) kursus yang diselenggarakan. Saya percaya ini ialah kerana semua pihak yang bertanggungjawab telah memberikan perhatian berat serta bersamasama berusaha meninggikan mutu dan taraf kedudukan Maktab ini agar benar-benar merupakan sebuah Maktab Turus Tentera yang terkenal lebih-lebih lagi oleh negara-negara luar.

Saya diberitahu banyak permohonan telah diterima dari beberapa negara sahabat untuk Pegawai-pegawai Kanan Tentera mereka mengikuti kursus di Maktab ini tetapi oleh kerana kita tidak dapat mengambil bilangan yang besar bagi tiap-tiap satu kursus maka kita hanya dapat membenarkan sebilangan kecil sahaja Pegawai Tentera dari negara-negara sahabat menyertai

kursus di Maktab ini. Seperti yang telah saya sebutkan dahulu, keutamaan latihan hendaklah diberi kepada pegawai-pegawai kita sendiri termasuklah juga beberapa orang pegawai Polis dan Awam.

Memandang kepada sambutan dari luar begitu baik, saya tidak syak lagi Maktab Turus Tentera yang muda remaja ini telah mendapat pengiktiraf yang sewajarnya dari negara-negara luar. Saya percaya dari setahun ke setahun kemajuan Maktab ini akan dapat diperbaiki agar dapat mencapai taraf dan mutu kecekapan yang lebih tinggi.

Memanglah menjadi dasar Kerajaan supaya Maktab ini terus maju dan berkembang hingga menjadi suatu pusat pengajian ilmu ketenteraan yang terkenal di Malaysia dan juga di rantau ini. Adalah hasrat kita iaitu kemudahan-kemudahan latihan yang kita sediakan di Maktab ini akan menambahkan pengetahuan dan pengalaman pegawai-pegawai kanan tentera dan menjadikan mereka pemimpin tentera yang berintelek, cekap dan berkebolehan.

Saya sedar sehingga hari ini terdapat beberapa kekurangan dalam penyelenggaraan kursus di Maktab ini, tetapi saya harap kekurangan tersebut hendaknya tidak dijadikan satu halangan bagi mencapai usaha-usaha yang lebih gigih, malah saya rasa kekurangan itu patutlah dianggap sebagai cabaran untuk mencapai kejayaan yang lebih tinggi lagi.

Dalam hubungan ini pujian haruslah diberi kepada Pegawai-pegawai Tentera kita yang telah melibatkan diri dalam penubuhan Maktab Turus Tentera ini serta mereka yang menjadi pelupor dalam kursus pertama, sama ada sebagai pentadbir, pensyarah mahupun sebagai peserta, yang telah menghadapi banyak halangan dan rintangan disebabkan kekurangan kemudahan di masa itu. Namun demikian, mutu dan kecekapan yang telah dicapai dalam kursus tersebut amatlah memuaskan.

Sebagai yang kita maklum, bangunan yang ada sekarang adalah bangunan sementara dan satu kawasan baru Maktab ini iaitu di Templer Park, dekat Kuala Lumpur, sudahpun ditetapkan dan rancangan pembinaan bangunan baru Maktab ini sudahpun dimulakan. Dengan adanya bangunan baru itu kelak, adalah diharapkan bilangan para peserta akan dapat ditambah lagi, bukan

saja dari pegawai-pegawai tentera negara kita bahkan juga peserta-peserta dari negara-negara sahabat yang lain. Saya juga percaya bilangan peserta dari Pasukan Polis dan Pegawai Perkhidmatan Awam dapat juga ditambah lagi.

Saudara-saudara sekalian,

Pegawai-pegawai tentera yang berkalibar tinggi dan penuh dedikasi adalah amat diperlukan memandangkan bertambahnya kegiatan penganas komunis di negara kita yang telah mengubah taktik dan strategi perjuangan mereka dengan tujuan menimbulkan huru-hara supaya dengan jalan demikian mereka dapat menjatuhkan dengan kekerasan kerajaan yang sah yang dipilih oleh rakyat.

Tetapi syukurlah kita ke hadrat Allah S.W.T. bahawa rakyat dari semua kaum di negara kita benar-benar faham atas tipu helah penganas komunis yang hanya berpura-pura memperjuangkan kepentingan rakyat yang daif dan miskin tetapi sebenarnya ialah menambahkan kesengsaraan hidup rakyat.

Di saat-saat yang akhir ini, tindak tanduk keganasan penganas-penganas komunis semakin menjadi-jadi dengan mereka melancarkan serangan-serangan secara pengecut terhadap sasaran-sasaran penting negara serta orang-orang yang tidak berdosa yang telah ditugaskan untuk mengekalkan keamanan dan ketenteraman.

Saudara-saudara sekalian,

Perkembangan-perkembangan di Indochina, seperti yang saya sebutkan dahulu, telah memberikan inspirasi kepada gerakan-gerakan bawah tanah di negara kita untuk melanjutkan perbuatan ganas mereka bagi menakutkan rakyat yang cintakan keamanan serta menjatuhkan Kerajaan yang telah dipilih melalui proses demokrasi.

Sungguhpun Kerajaan memahami bahawa seluruh masalah pergerakan Komunis di Malaysia tidak boleh diselesaikan melalui gerakan tentera sahaja, tetapi keadaan yang dihadapi oleh negara pada hari ini, di mana nampaknya gerakan militant komunis itu dinyatakan dalam bentuk gerakan tentera, maka Kerajaan terpaksa juga menentangkannya dengan menggunakan kekuatan Angkatan Tentera kita. Itulah sebabnya saya katakan tadi betapa perlunya kita mempunyai pegawai tentera yang berkaliber dan juga cekap. Saya penuh yakin Maktab Turus Tentera ini akan

dapat memainkan peranannya supaya pegawai-pegawai yang telah mengikuti latihan, apabila keluar berkhidmat semula, akan dapat menyumbangkan idea-idea baru bagi menghadapi dan mengatasi masalah-masalah yang mengancam keselamatan negara kita.

Sebagaimana yang seringkali saya nyatakan bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memesatkan kemajuan dalam lapangan pembangunan untuk membaiki keadaan hidup dan taraf ekonomi rakyat khususnya penduduk-penduduk di kawasan luar bandar. Matlamat kita ialah supaya masyarakat yang progresif dan bersatu-padu dari berbagai kaum benar-benar dapat menikmati kebahagiaan hidup dalam negara yang aman dan makmur. Untuk mencapai matlamat ini, kita haruslah mampu berdikari dalam semua bidang termasuklah dalam bidang pertahanan.

Bagi mencapai matlamat "self-reliance" di dalam bidang pertahanan ini, di samping mengadakan kemudahan-kemudahan serta peralatan yang moden, kita juga perlukan latihan-latihan bagi mencapai kecekapan dan sikap mental yang sihat dikalangan anggota-anggota angkatan tentera supaya mereka dapat menjalankan tugas dan kewajipan mereka dengan licin dan sempurna. Itulah sebabnya Kerajaan telah membelanjakan wang yang banyak bagi menubuhkan pusat-pusat latihan untuk pasukan tentera, polis dan kakitangan awam supaya ini dapat menghasilkan perkhidmatan yang lebih cekap sesuai dengan hasrat dan kemahuan rakyat.

Ini bukanlah bermakna bahawa kita akan berhenti menghantar pegawai-pegawai dan askar-askar kita ke luar negeri untuk berkursus dan mendapat pengetahuan baru. Saya sendiri menganggap betapa pentingnya pertukaran pengalaman dan pengetahuan yang bercorak antarabangsa ini. Tetapi saya amatlah berharap agar kursus-kursus di seberang laut itu akan merupakan kursus "supplementary" bagi pegawai-pegawai dan anggota-anggota tentera yang lain.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan selamat berjaya dan tahniah kepada para graduan sekalian dan saya berharap apabila saudara-saudara pulang ke yunit masing-masing nanti, saudara-saudara akan membaharui azam dan tekad untuk terus berkhidmat dengan penuh semangat dalam bidang yang saudara-saudara pilih ini.

To those graduands from Australia, Britain, New Zealand, Indonesia, Philippines, Singapore and Thailand, I also wish to express my heartiest congratulations for having successfully completed the course. I am certain that your one year stay in our Staff College and in Malaysia has enriched your professional and personal experiences and I earnestly hope that you will put them to good use on your return to your own Armed Forces.

May I also reiterate our intention to continue inviting officers from the Armed Forces of friendly countries to attend the courses in our Staff College, for we believe, that the intermingling among officers of our Armed Forces will not only facilitate the exchange of knowledge and experience, but above all, the spirit of camaraderie will be born out of such intermingling and this also will help promote a wider understanding among personnels of our Armed Forces.

On your return, Gentlemen, I hope you still cherish the memories of Malaysia, her people and her aspirations and I hope someday you will visit us again, perhaps in different capacities. Until then, I wish you all the best of luck "Bon Voyage".